

15 AUG 1996

Mahathir-Penduduk

MATLAMAT 70 JUTA PENDUDUK MASIH DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Matlamat 70 juta penduduk menjelang tahun 2100 masih diteruskan tetapi ini tidak bermakna kadar kelahiran perlu bertambah dengan cepat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, banyak salah faham timbul apabila beliau membuat kenyataan itu pada 1985 kerana "orang ramai hanya melihat sebahagian daripada apa yang saya katakan".

"Sebenarnya apa yang saya maksudkan ialah pelahankan kadar kelahiran memandangkan dengan kadar yang ada sebanyak 2.3 peratus setahun, kita boleh mencapai 70 juta penduduk menjelang 2050, lebih awal daripada matlamat itu," kata beliau semasa dialog selepas membuka Persidangan Serantau Kelab-kelab Havard di Asia.

"Tetapi orang ramai hanya melihat 70 juta, khasnya kaum lelaki," kata beliau.

Seorang anggota kelab Havard yang berasal dari Singapura yang menyifatkan kenyataan itu sebagai berani dan berwawasan bertanya Dr Mahathir akan pendirian kerajaan pada masa ini berhubung dengan perkara itu.

"Oleh itu saya tidak menasihatkan orang supaya kahwin lebih banyak lagi, saya tidak menasihatkan mereka supaya mempunyai lebih banyak anak, apa yang saya nak katakan ialah matlamat kita ialah 70 juta penduduk menjelang tahun 2100," kata beliau.

Malaysia cukup besar untuk menampung bilangan penduduk sebesar itu, kata beliau.

Mengenai peranan wanita di negara ini, Dr Mahathir berkata mereka telah memainkan peranan yang besar dalam ekonomi negara ini.

Mengenai Myanmar, beliau berkata dasar pendekatan konstruktif Asean terhadap Myanmar telah membawa respon positif.

"Kita berpendapat untuk membawa orang ikut cara kita berfikir ialah berbincang dengan mereka, jangan peras mereka, jangan paksa mereka," kata beliau semasa menjawab soalan mengenai perbezaan pendekatan Asean dan negara-negara barat dalam berurusan dengan Myanmar.

Selepas 26 tahun memulaukan diri, Myanmar kini sedang berubah dan bergerak ke arah ekonomi pasaran, kata beliau.

"Mereka telah berubah bukan kerana Eropah, bukan Amerika tetapi mereka telah melihat negara-negara seperti mereka sebelum ini yang mencapai kemajuan yang menguntungkan semua," kata beliau.

Jika kita hantar orang dari negara membangun ke negara maju di Eropah atau ke Amerika, orang itu akan berpendapat beliau berbeza daripada orang-orang di negara maju itu dan tidak boleh menjadi seperti mereka dan oleh itu tidak boleh mencapai kemajuan seperti mereka, kata beliau lagi.

Beliau berkata, Asean banyak memainkan peranan penting dalam mengubah fikiran banyak negara yang dahulunya mengamalkan ekonomi tertutup supaya bertukar menjadi pasaran bebas.

Kita berpendapat jika kita boleh membawa Myanmar dalam Asean, mereka boleh mempelajari sesuatu dan akan menjadi lebih relaks, lebih bersedia untuk mengubah sistem ekonomi dan politik mereka, kata Dr Mahathir. --

BERNAMA

AZZ PR